



KENYATAAN MEDIA HARI KE-27

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH SELAKU Pengerusi SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

PENYERAHAN SUMBANGAN BEKALAN PERUBATAN OLEH KTS GROUP, MALAYSIAN RELIEF AGENCY (MRA), MR. DIY TRADING (SABAH) SDN. BHD., DAN THE EDGE

Pada hari ini, 13 April 2020, Kerajaan Negeri telah menerima sumbangan **100,000 helai penutup hidung dan mulut (*face mask*)** yang disampaikan oleh Encik Wong Kee Mee, KTS Trading Sabah Area Operation Manager kepada YB. Datuk Haji Safar Bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri bertempat di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS), Kota Kinabalu.

Kerajaan Negeri juga telah menerima sumbangan bekalan perubatan fasa kedua daripada Malaysian Relief Agency (MRA), Mr. DIY Trading (Sabah) Sdn. Bhd. dan The Edge dan jumlah keseluruhan yang diterima ialah **61,000 helai penutup hidung dan mulut (*face masks*)** dan **1,165 helai PPE** untuk diedarkan kepada hospital, klinik kesihatan dan pejabat kesihatan daerah mengikut senarai yang ditetapkan. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Encik Mohd. Lutfi Hafifi bin Japili, Pengerusi Malaysian Relief Agency (MRA) Sabah; dan Puan Karen Chia, Pengurus Mr. DIY Trading (Sabah) Sdn. Bhd.

Sumbangan ini bertujuan untuk keperluan petugas perubatan di barisan hadapan serta sebagai tanda sokongan kepada Kerajaan Negeri yang bertungkus lumus membendung penularan wabak COVID-19.

Sebagai tambahan, sumbangan bekalan perubatan seperti **COVID-19 test kits, isolation gowns, medical gloves, medical boot covers, medical goggles** dan **face masks** daripada **KTS Group** akan dihantar secara berperingkat kelak. Bekalan perubatan ini dikhususkan untuk kegunaan pihak hospital, klinik kesihatan dan pejabat kesihatan daerah di seluruh negeri.

Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan kepada pihak KTS Group, Malaysian Relief Agency (MRA), Mr. DIY Trading (Sabah) Sdn. Bhd. dan The Edge yang telah memberi sumbangan bekalan perubatan dalam usaha memerangi wabak COVID-19.

Kerajaan Negeri juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang telah menyelaraskan penerbangan khas TUDM untuk menghantar bekalan-bekalan perubatan tersebut ke Negeri Sabah.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
13 April 2020 | 2.00 Petang